



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

INISIATIF IoC DI POLYCC TERUS DIPERLUAS MENERUSI PEMBUKAAN KAMPUS BREW @ PMKL

KUALA LUMPUR, 27 OGOS 2025 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) kekal komited dalam memperluas inisiatif *Industry on Campus* (IoC) di politeknik dan kolej komuniti (POLYCC).

IoC berperanan untuk pihak industri menyediakan peralatan atau kepakaran mereka ke POLYCC untuk melatih pelajar-pelajar secara terus.

Hari ini, Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) telah melancarkan *The Campus Brew* yang menjadi projek IoC kedua politeknik tersebut dalam bidang tujahan Pengurusan Peruncitan dengan kemudahan dan fasiliti yang lengkap dan menarik serta menjadikan salah satu daya tarikan kepada pelajar sebagai nilai tambah menjadi barista profesional.

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dato' Dr. Mohd Zahari Ismail, dalam lawatan kerja beliau ke PMKL hari ini telah merasmikan pembukaan kafe tersebut yang bukan sahaja membuka peluang pembelajaran praktikal, malah mengasah kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Ujar beliau dalam ucapannya, sokongan padu daripada pihak pengurusan politeknik, rakan industri dan komuniti kampus, beliau yakin *The Campus Brew* akan berkembang sebagai platform pembelajaran berimpak dan menjadi kebanggaan bersama.

Tambahan lagi, pendedahan autentik kepada operasi industri F&B khususnya kopi akan melahirkan graduan yang berdaya saing, kreatif dan berinovatif.

Dato' Dr. Mohd Zahari turut merasmikan penubuhan *Innovative Learning Hub For Advancing Method* atau ILHAM yang mengandungi makmal digital, mini teater, studio multimedia, ruang kolaborasi projek serta platform latihan kemahiran digital dan inkubasi idea.

Dengan persekitaran yang kondusif dan berinspirasi, ILHAM bukan sahaja menyokong pembangunan bahan pembelajaran moden, malah menjadi tapak pencetus perubahan dalam landskap pendidikan institusi yang lebih progresif dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Terdahulu, beliau telah menghadiri taklimat ringkas untuk mendengar berkaitan latar belakang pengoperasian PMKL yang disampaikan oleh Pengarah PMKL, Ts. Roseman Mat Jidin @ Jidin sebelum melawat ke fasiliti-fasiliti lain yang terdapat di PMKL.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), JPPKK, Dr. Shamsuri Abdullah, pegawai-pegawai JPPKK dan warga PMKL.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
27 OGOS 2025**

LAMPIRAN BERGAMBAR

